

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

SOALAN:

YB Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada projek East Coast Rail Link (ECRL) telah diluluskan dan ditawarkan kepada mana-mana pihak. Jika belum, adakah projek ini akan ditender secara terbuka dan apakah anggaran kosnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, East Coast Rail Link (ECRL) merupakan projek infrastruktur yang penting bagi Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang. Pelaksanaan ECRL akan menjadi pemangkin transformasi untuk negeri-negeri pantai Timur di Semenanjung dan bakal merangsangkan lagi pertumbuhan sosio ekonomi, serta memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Projek ini bukanlah sesuatu yang baharu, malah ianya telah mula dibincangkan di pelbagai peringkat sejak 1981 lagi. Sejak cadangan asalnya, perancangan menyeluruh, pelan kewangan, kaji selidik pasaran dan kajian sudah dilaksanakan.

Kajian kebolehlaksanaan telah dilakukan sejak 2007 dan kaji selidik pasaran melalui Permintaan Maklumat (*Request of Information* - RFI) telah dilaksanakan dari Mac sehingga Jun 2016. Menerusi RFI, Kerajaan telah menerima respon daripada 27 kumpulan dari 5 negara yang berbeza termasuk Korea, China, Australia, Amerika Syarikat dan Eropah yang

berminat untuk melaksanakan projek ini. Melalui kajian ini, spesifikasi teknikal termasuklah indikatif terhadap kos telah ditentukan.

Justeru, semasa lawatan rasmi delegasi Malaysia ke Republik Rakyat China (RRC) baru-baru ini, beberapa perkara telah dibincangkan bagi meningkatkan pelaburan dan juga kerjasama bilateral berterusan dengan Kerajaan China. Dalam rundingan itu, kedua-dua Kerajaan telah mencapai kata sepakat supaya projek ECRL ini dilaksanakan sebagai inisiatif projek *Government-to-Government* (G2G) antara Kerajaan China dan Malaysia.

Selain itu dan mustahak untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan China turut mengemukakan tawaran pakej kewangan yang menarik dan memberi kelebihan kepada Malaysia. Bagi membolehkan Malaysia mendapat terma kewangan yang terbaik ini, dalam rundingan G2G berkenaan, syarikat pembinaan terbesar milik Negara China iaitu China Communications Construction Company (CCCC) telah dinominasi oleh Kerajaan negara China untuk melaksanakan projek ECRL dengan kos RM55 bilion.

CCCC adalah syarikat rekacipta dan pembinaan terbesar di China dan majoriti sahamnya dimiliki dan dikawal oleh kerajaan China. CCCC juga mempunyai rekod yang baik dalam projek-projek pembinaan besar termasuk di Malaysia. Dengan komitmen dan prestasi syarikat berkenaan membrasangkan, bukan sahaja di Malaysia, Kerajaan yakin syarikat ini boleh memberikan hasil yang terbaik dan menyiapkan projek ECRL dalam tempoh yang bersesuaian dengan skala projek tersebut.

Dengan kerjasama yang dimerterai ini, persahabatan dan hubungan erat dengan Negara China yang merupakan antara rakan dagangan terbesar Malaysia dapat diperkukuhkan lagi. Pelaksanaan projek ini juga akan memberikan limpahan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih mampan, *value for money* dan boleh dirasakan oleh segenap lapisan rakyat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

November 2016